

07 MAY 2002

PBEC-TARIF/I

M'SIA TIDAK AKAN LAKSANA HALANGAN PERDAGANGAN BUKAN TARIF

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak akan melaksanakan halangan perdagangan bukan tarif terhadap import dari negara-negara Asean berikutan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz di sini hari ini.

"Malaysia tidak akan mengadakan halangan bukan tarif menggantikan tarif. Ini merupakan komitmen yang kami lakukan dan kami tidak percaya dengan adanya halangan bukan tariff itu," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan memperkenalkan halangan bukan tarif untuk melindungi sektor automotif.

"Ianya tidak dibenarkan (halangan bukan tarif). Kami tidak akan melakukannya," katanya kepada pemberita selepas menemui Naib Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi China, Lu Fu-Yuan, dan timbalan setiausaha perbendaharaan AS Kenneth W.Dam.

Bagaimanapun, terdapat pilihan lain bagi membolehkan kerajaan mendapatkan kembali kerugian minima berikutan dengan pengurangan atau penghapusan duti import itu, katanya sambil menyatakan cukai jualan sebagai contoh.

Rafidah berkata negara-negara Asean lain yang telah mengurangkan duti import juga mengenakan pelbagai jenis cukai lain.

Beliau berkata cukai jualan bagi kuasa kuda dan kapasiti kereta bukan diskriminasi tetapi berdasarkan kepada buatan.

Rafidah berkata di bawah AFTA, Malaysia mesti mengenakan cukai jualan yang sama bagi kereta yang dibuat di Malaysia dan diimport dari negara-negara Asean.

Beliau berkata di Asean, selain Malaysia, hanya Thailand dan Indonesia yang mengeluarkan kereta.

Di bawah AFTA, duti import terhadap kereta akan dikurangkan kepada 20 peratus. Malaysia memohon untuk pelaksanaannya ditangguhkan kepada 2005 daripada 2003.

Rafidah berkata pengeluar kereta Malaysia boleh mengeksport kereta mereka ke negara-negara Asean sekarang tetapi ia akan dilayan serupa dengan kereta-kereta dari Jepun atau AS memandangkan Malaysia telah meminta penangguhan pelaksanaannya.

Pengeluar kereta Malaysia akan dapat menikmati duti import yang dikenakan ke atas kereta lain yang dikeluarkan di negara-negara Asean pada 2005, katanya.

Beliau berkata kereta-kereta di bawah kategori berkenaan mesti mempunyai 40 peratus kandungan tempatan.

Mengenai pertemuannya dengan Dam, Rafidah berkata Dam menyampaikan mesej bahawa AS tidak sabar untuk menerima lawatan Dr Mahathir ke AS hujung bulan ini.

AS menganggap ianya merupakan pertemuan yang amat penting bagi kedua-dua pihak dan ia berharap ianya akan menjadi lawatan yang berjaya. --

BERNAMA

MSL/SM FR NHD